

# Hasil Penyelidikan UniMAP

## Terbukti Hebat

Baru-baru ini, UniMAP telah menghantar beberapa produk penyelidikan ke tiga pertandingan rekacipta dan inovasi antarabangsa iaitu di IENA, Nuremberg Jerman, EUREKA, Brussels Belgium dan SIIF, Korea Selatan. Deligasi penyelidik UniMAP sangat berbangga kerana berjaya memperolehi kejayaan 100 % memenangi pingat di kesemua pertandingan tersebut.

UniMAP telah menghantar 3 produk penyelidikan ke International Trade Fair Ideas-Inventions-New Product (IENA 2008) di Nuremberg, Jerman yang bermula pada 30 Oktober 2008 sehingga 2 November 2008. Penyelidik UniMAP telah merangkul satu pingat emas dan dua pingat perak. Kejayaan ini diikuti oleh tiga lagi penyelidik UniMAP yang telah bertanding di Brussels Innova Energy (EUREKA 2008), Belgium pada 13 - 15 November 2008. UniMAP sekali lagi telah mencatat kejayaan 100% pingat dengan memenangi dua pingat emas. Manakala satu lagi produk telah berjaya membawa pulang pingat perak.

Seterusnya sebanyak 6 produk penyelidikan telah menyertai Seoul International Invention Fair (SIIF) 2008 di Korea Selatan dan kesemuanya juga berjaya memenangi pingat iaitu tiga pingat emas, dua pingat perak dan satu pingat gangsa.

Secara keseluruhannya tahun 2008 merupakan tahun yang cemerlang bagi UniMAP khususnya dari sudut kejayaan memperolehi pengiktirafan di pertandingan rekacipta dan inovasi di dalam dan luar negara. UniMAP telah menyertai tiga pertandingan di peringkat kebangsaan dan enam di peringkat antarabangsa. Hasilnya, UniMAP telah mengumpul sebanyak 14 pingat emas, 24 pingat perak dan 35 pingat gangsa serta beberapa anugerah khas pengajar.

Walaupun kos yang tinggi diperuntukkan untuk menyertai pertandingan-pertandingan tersebut, namun pulangannya sangat berbaloi terutamanya di peringkat antarabangsa. Kita telah berjaya memperolehi kejayaan 100% pingat di Switzerland, Amerika Syarikat, Jerman, Belgium dan Korea Selatan. Dengan kebanyakannya diberisi penyelidik-penyelidik muda, ia jelas membuktikan bahawa produk-produk penyelidikan yang dihasilkan oleh warga UniMAP ternyata berkualiti dan ia merupakan aset berharga kepada UniMAP untuk lebih berdaya saing di masa yang akan datang.

Tahniah UniMAP.

### STATUS PENYERTAAN KE PERTANDINGAN REKACIPTA & INOVASI KEBANGSAAN & ANTARABANGSA 2008

Bil.	Pertandingan / Pameran	Bilangan Penyertaan	Pingat			Peratus Kemenangan
			Emas	Perak	Gangsa	
1.	Malaysian Technoligy Expo (MTE) 2008 (21-23 Feb 2008)	20	2	3	11	80%
2.	Geneva 2008 - Switzerland (2-6 April 2008)	3	1	2	-	100%
3.	ITEX 2008 (9-11 Mei 2008)	39	2	11	15	72%
4.	National Research & Innovation Competition (NRIC 2008)-Pelajar (20-22 Mei 2008)	10	1	1	2	40% Anugerah Khas: 'Best Invention & Innovation Award' & RM 3000.00
5.	Pameran INPEX 2008 - Pittsburgh Amerika Syarikat (11-14 Jun 2008)	3 (Memasuki 4 Kategori)	1	2	1	100% *Anugerah Khas: 'Humanitarian Award'
6.	Pameran BioMalaysia (7-9 Okt 2008)	10	1	-	5	60%
7.	IENA 2008 - Jerman (30 Okt-2 Nov 2008)	3	1	2	-	100%
8.	EUREKA - Belgium (13-15 Nov 2008)	3	2	1	-	100% Anugerah Khas: 'Environment INNOVA 2008'
9.	SIIF - Korea Selatan (11-15 Dis 2008)	6	3	2	1	100%